

## Kerajaan ambil tindakan segera

Tangani isu tapak pelupusan sampah di Sungai Udang



Noh (lima, kiri) bersama Idris (depan dua, kanan) melihat peta tapak ketika lawatan ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, semalam.

M JEFFRI RAZALI

**BANDARAYA MELAKA** - Empat sel baharu dengan nilai keseluruhan mencecah RM61.5 juta akan diwujudkan di Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang dalam usaha menangani masalah tapak berkenaan yang kini tidak lagi mampu menampung sisa buangan.

Pembinaan sel pertama dengan keluasan 1.82 hektar sudah dimulakan kelmarin dengan kos RM16.5 juta, manakala pembangunan sel kedua dan ketiga memabitkan kawasan seluas 7.16 hektar dan menelan belanja RM45 juta dijangka mula beroperasi awal tahun hadapan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, pembinaan ketiga-tiga sel ini merupakan tindakan segera kerajaan bagi menangani masalah tapak pelupusan yang kini semakin kritikal.

Menurutnya, sebagai sebahagian perancangan jangka panjang, sel keempat dengan keluasan kira-kira 4.6 hektar akan dibina pada masa akan datang.

"Selain itu, kita juga akan membina sistem pelupusan insinerator selewat-lewat

Idris Haron added 6 new photos — in Sungai Udang  
4 August at 16:27

Saya kecewa dengan sikap sambil lewa pihak Southern Waste Management (SWM) yang gagal menyegerakan permohonan dan tidak membenarkan pihak swasta dalam hal urusan tapak pelupusan sampah di Negeri Melaka. Dalam lawatan meninjau ke satu tapak pelupusan sampah sebentar tadi, saya dapati keperluan amat mendesak kerana tapak sedia ada hampir penuh dan tidak diurus dengan sewajarnya. Saya telah arai semua pihak berkaitan ambil tindakan segera untuk selesaikan masalah ini.

**Luahan hati Idris di laman sosial.**

nya dalam masa dua tahun akan datang. Cadangan ini sudah kita hantar ke Unit Perancang Ekonomi," katanya selepas meninjau keadaan tapak pelupusan berkenaan, semalam.

Turut hadir pada lawatan itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron.

Menurut Noh, secara peribadi, beliau tidak berpuas hati dengan taklimat yang diberikan mengenai tapak pelupusan berkenaan kerana ia seharusnya bertahan selama lima tahun dan bukan dua setengah tahun sebagaimana sekarang.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan meminta supaya satu audit dalaman mengenai pembinaan tapak ini dari aspek perancangan sehingga ia siap untuk melihat sama ada skop asalnya diikuti atau tidak.

Sementara itu, Idris berkata, segala rungutan dan ke-

risauan penduduk setempat akan dikenal pasti selain segala teguran yang dibuat semasa lawatan.

"Dari taklimat diberikan, ternyata banyak ruang yang boleh kita perbaiki dan yang pasti, apa yang berlaku ini akan menjadi pengajaran kepada kita," katanya.

Minggu lalu, dalam laman sosial miliknya, Idris turut meluahkan kekecewaan beliau di atas sikap sambil lewa yang didakwa dilakukan pihak SWM Environment (SWM) kerana gagal menyegerakan permohonan dan tidak membenarkan pihak swasta dalam urusan tapak pelupusan di Melaka.

Ahad lalu, sekumpulan penduduk Taman Indah, Sungai Udang, melakukan bantahan aman mendesak masalah pencemaran bau yang dikatakan berpunca dari tapak pelupusan sampah berkenaan diatasi segera.